

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1994/95

April 1995

STU322 - Organisasi Khidmat Manusia

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Soalan peperiksaan ini dipecah kepada tiga bahagian (A, B dan C). Anda dikehendaki menjawab SATU (1) soalan dari setiap bahagian.

Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

Bahagian A

Jawab SATU (1) soalan sahaja.

1. Huraikan sifat-sifat dan masalah asas yang dihadapi oleh organisasi khidmat manusia.

(100 markah)

2. Bandingkan organisasi mengubah manusia (people changing organisation) dengan organisasi memproses manusia (people processing organisation). Gunakan contoh-contoh tempatan dalam jawapan anda.

(100 markah)

3. Teori sistem terbuka (open system theory) dianggap paling sesuai untuk menjelaskan kewujudan dan perkembangan organisasi khidmat manusia. Bincangkan.

(100 markah)

.../2-

Bahagian B

Jawab SATU (1) soalan sahaja.

4. Sambil mengaplikasikan teori kegagalan kesukarelawanan, bincangkan setakat mana keberkesanan perkhidmatan pertubuhan sukarela kebajikan sebagai sebuah organisasi khidmat manusia.

(100 markah)

5. Dengan merujuk kepada teori Pluralisme Kebajikan bincangkan kepentingan hubungan kerajaan dengan pertubuhan bukan kerajaan.

(100 markah)

6. Konsep pengekalan sosial masih lagi mempengaruhi kaedah kerja sebahagian besar organisasi khidmat manusia. Bincangkan sebab-sebab ianya berterusan

(100 markah)

Bahagian C

Jawab SATU (1) soalan sahaja.

7. Bincangkan kepentingan klien/pengguna dalam organisasi khidmat manusia yang mengamalkan konsep perkhidmatan manusia sepadau.

(100 markah)

8. Apakah faedah atau kelemahan yang mungkin dihadapi oleh organisasi khidmat manusia yang terlaku bergantung kepada kumpulan ikhtisas (professional).

(100 markah)

9. "Fungsi hubungan kakitangan-klien adalah dua hala mengubah dan mengawal" (Hasenfeld, 1974, m.s. 15). Bincangkan kenyataan ini.

(100 markah)